

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan anggota dan pegawai pelbagai kaum dalam Angkatan Tentera Malaysia, kemudahan yang disediakan dan pembelaan nasib veteran.

JAWAPAN

Bilangan terperinci anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah merupakan maklumat strategik negara. Namun begitu dari segi peratusan keanggotaan ATM mengikut kaum ialah terdiri daripada 86.52% Kaum Melayu, 11.54% Bumiputera Sabah dan Sarawak, 1.33% Kaum India, 0.38% Kaum Cina, 0.12% Orang Asli dan selebihnya 0.11% ialah lain-lain kaum.

Bagi kemudahan dan pembelaan nasib kepada veteran ATM pula Kerajaan sentiasa prihatin dalam membela nasib warga Veteran ATM yang telah menaburkan khidmat bakti serta berkorban demi kedaulatan negara. Justeru dengan itu, terdapat tujuh (7) skim bantuan kebajikan yang disediakan kepada golongan Veteran ATM yang memerlukan. Tujuh skim tersebut adalah seperti berikut:

1. Skim Bantuan Sara Hidup;
2. Bantuan Persekolahan/Kolej Vokasional Kebangsaan (KVK) kepada anak-anak veteran;

3. Bantuan Kemasukan ke Universiti Awam (UA) / Politeknik kepada anak-anak veteran;
4. Bantuan Perubatan;
5. Bantuan Peralatan Pesakit;
6. Bantuan Bencana Alam; dan
7. Bantuan Pengurusan Jenazah.

Bagi tahun ini (2021), Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sejumlah RM35.7 juta bagi skim bantuan yang disediakan ini; dan sehingga kini sejumlah 12,377 orang veteran ATM, balu dan tanggungan telahpun menerima manfaat dari skim bantuan ini yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM25.8 juta.

Selain daripada itu, Kementerian ini telah merancang 7 inisiatif baharu untuk membantu Veteran ATM iaitu:

1. **Platform Digital My Veteran Mall**

Aplikasi My Veteran Mall merupakan satu platform atas talian yang mesra pengguna bagi membolehkan usahawan Veteran ATM melaksanakan aktiviti perniagaan secara digital yang berupaya untuk memperluas rangkaian perniagaan di samping mampu melahirkan usahawan yang lebih inovatif.

2. **Program Outreach Veteran ATM**

Program *outreach* ini merupakan aktiviti lawatan kebajikan ataupun sosial ke atas Veteran ATM dengan sasaran 800 program secara keseluruhan setiap tahun bagi membolehkan mereka mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan yang sewajarnya.

3. **Smart Card Veteran ATM**

Kad Veteran ATM akan dinaik taraf sebagai *privilege card* dengan fungsi pembayaran iaitu kad debit di samping mempunyai ciri-ciri keselamatan tinggi. Inisiatif menaik taraf Kad Veteran ATM ini juga tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan.

4. **Kempen Tabung Pahlawan**

Kempen Tabung Pahlawan merupakan satu kempen yang dilaksanakan bagi mendapatkan dana sumbangan untuk dimanfaatkan kepada Veteran ATM serta tanggungan yang memerlukan sebagai penghargaan di atas pengorbanan dan jasa bakti para pahlawan tanah air. Kempen ini juga berupaya memupuk semangat patriotik dan cintakan negara terutama di kalangan remaja dan belia.

5. **Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM)**

Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia merupakan inisiatif Kerajaan dalam memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada anggota ATM yang berkhidmat semasa Darurat Kedua yang berlaku pada tahun 1969 sehingga 1990. Kementerian ini menyasarkan seramai 2,000 orang Veteran ATM akan dianugerahkan pingat tersebut setiap tahun yang akan disempurnakan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan.

6. **Sumbangan Khas Pingat Jasa Malaysia**

Kementerian ini sedang berusaha untuk mendapatkan Sumbangan Khas Kenangan Setiap Tahun bagi penerima Pingat Jasa Malaysia. Objektif utama bagi cadangan ini adalah untuk memenuhi tuntutan Veteran ATM dalam merapatkan jurang pencen. Kementerian ini sedar akan kemampuan kewangan negara terutama dengan isu wabak COVID-19 yang menular kini, namun Kementerian akan terus berusaha untuk merealisasikan cadangan bagi mendapatkan bayaran sumbangan kenangan tersebut.

7. ***The Last Mohicans***

Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM memohon penilaian semula ke atas kes anomali susulan daripada pelaksanaan Skim Laporan Gaji Tan Sri Sheikh Abdullah 1972 pada 1 Ogos 1972 yang memberi kesan ke atas 404 orang Veteran ATM. Sekiranya penilaian semula dapat dilaksanakan, ianya menunjukkan keprihatinan Kerajaan ke atas nasib warga Veteran ATM yang terlibat dalam isu tersebut.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah termasuk SRJK Cina yang akan dibina sepanjang RMK-12 di seluruh negara dan bagaimanakah kedudukan Sijil Kelulusan Bersama (UEC) yang masih belum diberikan pengiktirafan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa berusaha secara berterusan dalam memastikan penyediaan kemudahan sekolah adalah mencukupi bagi keperluan masyarakat setempat. Bagi cadangan pembinaan sekolah baharu dalam RMKe-12, KPM akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci dengan mendapatkan input dan cadangan daripada jabatan pendidikan negeri dari masa kesemasa. Antara aspek utama yang diambil kira dalam analisis keperluan tersebut adalah kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk (*catchment area*), bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada yang berhampiran, kesediaan tapak atau tanah dan perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, Rolling Plan 1 tahun 2021 dan Rolling Plan 2 tahun 2022, KPM telah diluluskan pembinaan 19 buah sekolah baharu di seluruh negara iaitu 5 kompleks sekolah, 5 sekolah rendah, 5 sekolah menengah, 2 sekolah menengah kebangsaan agama, 1 sekolah menengah pendidikan khas dan 1 kolej tingkatan enam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung pertanyaan kedudukan *Unified Examination Certificate* (UEC), sehingga kini KPM kekal untuk tidak mengiktiraf UEC yang dilaksanakan di sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) berlandaskan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]. UEC perlu mengikut dasar pendidikan kebangsaan sekiranya mahu dipertimbangkan penyelesaiannya oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek pembangunan secara terperinci mengikut Kementerian, tahun diluluskan dan tarikh bermula serta jangka masa siap bermula Rancangan Malaysia ke-9 sehingga ke-11 di daerah Kuantan:

(a) yang telah dirancang dan diluluskan; dan

(b) yang masih belum bermula dan gagal disiapkan serta ditangguh.

JAWAPAN**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Bilangan projek/program bagi daerah Kuantan, Pahang sepanjang RMKe-9, RMKe-10 dan RMKe-11 ialah sebanyak 657. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 456 projek/program telah disiapkan manakala baki 201 projek akan diteruskan pelaksanaannya dalam RMKe-12. Maklumat status pelaksanaan berdasarkan Rancangan Malaysia berkenaan adalah seperti berikut:

Tempoh Pelaksanaan	Bilangan Projek			Keseluruhan	Peruntukan (RM juta)
	Pra	Pelaksanaan	Pasca		
RMKe-9	1	105	240	346	3,673.32
RMKe-10	2	47	145	194	2,757.55
RMKe-11	6	40	71	117	3,450.65
Jumlah	9	192	456	657	9,881.52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status permohonan melalui jaringan prihatin :-

- (a) berapa jumlah peruntukan yang telah disalurkan di Parlimen Kuantan, berapa ramai yang telah menikmati menerusi 12 Telco yang terlibat; dan
- (b) berapa yang lulus tapi belum menerima dan berapa yang masih belum menerima maklum balas terhadap permohonan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat komited dalam memastikan rakyat di segenap sudut dalam negara ini dapat mengecapi akses kepada kesalinghubungan digital melalui rangkaian internet dan perkhidmatan telekomunikasi. Bagi mencapai hasrat tersebut, sewaktu pembentangan Belanjawan 2021 yang lalu, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Jaringan Prihatin bagi membantu meringankan beban kewangan rakyat khususnya mereka daripada kumpulan B40 untuk melanggan data internet serta membeli peranti mudah alih dengan harga berpatutan bagi kegunaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

- (a) Merujuk kepada persoalan Yang Berhormat berhubung peruntukan inisiatif Jaringan Prihatin yang telah disalurkan di Parlimen Kuantan. Melalui inisiatif ini, setakat 1 November 2021, sejumlah RM6.64 juta telah disalurkan bagi memanfaatkan seramai 45,441 individu B40 di Kuantan melibatkan 12 syarikat perkhidmatan telekomunikasi.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, mekanisme permohonan Jaringan Prihatin memastikan mana-mana individu yang layak supaya mendapat bantuan subsidi yang ditawarkan secara serta merta apabila mereka tampil untuk memohon inisiatif ini di mana-mana kedai telekomunikasi dan permohonan mereka disahkan melalui sistem semakan penerima. Berdasarkan kaedah ini, mana-mana pemohon yang layak akan terus menerima manfaat berupa subsidi sama ada pelan internet secara bulanan atau peranti mudah alih apabila mereka memohon tanpa perlu menunggu masa yang lama untuk menerima manfaat tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN (ROMPIN)

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam mengesan rakyat yang memegang dwikerakyatan memandangkan ianya menyalahi undang-undang Malaysia. Apakah statistik rakyat yang melepaskan kewarganegaraan Malaysia bagi memegang kerayatan negara lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Kerajaan Malaysia adalah tidak mengiktiraf pemilikan lebih dari satu kewarganegaraan dan seseorang Warganegara Malaysia boleh diambil tindakan pelucutan kewarganegaraan Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, bagi keadaan seperti berikut:

- i) memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara asing samada melalui pendaftaran, penaturalisasian atau perbuatan sukarela dan formal yang lain (selain perkahwinan). Tindakan pelucutan bagi kesalahan-kesalahan ini boleh diambil di bawah Perkara 24(1) Perlembagaan; atau
- ii) menuntut dan menggunakan suatu hak/keistimewaan yang diberikan secara khusus kepada seseorang warganegara negara asing, seperti menggunakan hak undi bagi pemilihan politik di negara asing tersebut, memohon passport/dokumen perjalanan negara asing, atau menggunakan passport/dokumen perjalanan negara asing. Tindakan pelucutan bagi kesalahan-kesalahan ini boleh diambil di bawah Perkara 24(2) Perlembagaan. [1]
[SEP]

Bagi menguatkuasakan perundangan dan dasar Kerajaan Malaysia yang tidak mengiktiraf dwi kewarganegaraan, tindakan pelucutan dapat dijalankan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui laporan mana-mana pihak seperti

SOALAN NO: 117

agensi Kerajaan atau orang perseorangan. Laporan yang dikemukakan perlulah mengandungi butiran mengenai individu yang dilaporkan serta bukti-bukti yang relevan bagi membantu siasatan lanjut oleh JPN. Laporan yang tidak disertakan dengan bukti akan menyukarkan siasatan, menyebabkan fail kes tidak kukuh dan seterusnya tindakan pelucutan kewarganegaraan tidak dapat dijalankan.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2017 sehingga 11 Oktober 2021, sebanyak **44,188 permohonan** pelepasan kewarganegaraan di bawah Perkara 23 Perlembagaan Persekutuan telah diluluskan.